

# Gajah miliki keupayaan faham konsep kematian, ingat kawasan

**Kuala Lumpur:** Gajah ialah haiwan yang menakjubkan kerana mempunyai keupayaan spatial (ruangan), termasuk boleh mengingati sesuatu kawasan, walaupun sudah melaluinya untuk tempoh lama.

Pensyarah Kanan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Jamhuri Jamaluddin, berkata dengan keupayaan berkenaan, gajah boleh mengingati jalan dilaluinya meskipun haiwan itu dipindahkan ke suatu kawasan lain lebih jauh.

Sehubungan itu, beliau yang kini melakukan penyelidikan di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bertajuk ‘Pemantauan Pergerakan dan Analisis Gajah’, tidak menolak kemungkinan ibu gajah anaknya mati dilanggar lori di Gerik, Perak pada Ahad lalu boleh kembali ke tempat kejadian.

“Gajah mempunyai *spatial memory*, termasuk boleh mengingati kawasan dan faham konsep kematian. Ia boleh kunci kawasan itu dan boleh kembali untuk melawat. Itulah kelebihan naluri gajah dan sains pun belum dapat buktikan bagaimana ia boleh mengingati,” katanya.

Selain itu, Jamhuri berkata, gajah ialah haiwan mamalia yang memamerkan tingkah laku sosial mengagumkan dengan membina hubungan emosional yang kuat bersama ahli kumpulan.

“Kecerdasan emosi gajah bukan mitos kerana haiwan ini faham konsep kematian dan tahu keberadaan ahli keluarga yang mati dan kadang kala haiwan itu kembali ke tempat sama walau-pun yang tinggal cuma rangka,” katanya.

Beliau berkata, hubungan dalam kalangan gajah bukan sekadar biologi, tetapi bersifat sosial dan emosi sehingga ibu gajah akan menjaga anak selama bertahun-tahun. **BERNAMA**

“Gajah boleh mengingati jalan dilaluinya meskipun haiwan itu dipindahkan ke suatu kawasan lain lebih jauh”

**Jamhuri  
Jamaluddin,**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Perhutanan  
dan Alam Sekitar  
UPM

